

# Elemen Psikologi Islam dalam Silibus Psikologi Moden: Satu Alternatif

## Elements of Islamic Psychology in the Syllabus of Modern Psychology: An Alternative

Fariza Md Sham  
Fakulti Pengajian Islam UKM & Institut Islam Hadhari, UKM  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
farisham@ukm.edu.my

### Abstrak

Elemen psikologi Islam dalam silibus psikologi moden di pusat pengajian tinggi belum ke tahap yang memuaskan. Kebanyakan pembelajaran psikologi merujuk kepada teori dan konsep ahli psikologi Barat. Kini, kesedaran pengislaman ilmu psikologi, mendapat perhatian daripada kalangan ahli psikologi. Oleh itu, artikel ini menganalisis perbincangan yang berkaitan dengan elemen psikologi Islam yang boleh diterapkan dalam pembelajaran psikologi. Kaedah kajian secara kualitatif digunakan dengan melakukan analisis dokumen terhadap kajian-kajian lepas. Hasil kajian mendapati, psikologi Islam mula dibincang dan diberi perhatian oleh pengkaji masa kini sejak tahun 1970 an. Kajian juga mendapati, elemen psikologi Islam sesuai untuk dimasukkan dalam silibus psikologi moden yang meliputi aspek konsep, pengenalan tokoh, bidang kajian dan metode kajian psikologi Islam. Perbincangan ini memberi implikasi bahawa psikologi Islam mampu menjadi psikologi alternatif dalam proses pembelajaran yang mengandungi nilai moral dan pendidikan bersesuaian dengan fitrah semulajadi manusia.

**Keywords:** *Psikologi Islam, psikologi moden, ilm al-nafs, al-qalb, al-aql, al-ruh*

### Abstract

Islamic psychology implementation in higher education syllabus is not up to the level of satisfaction. Most psychology, learning only refers to the theory and west psychologist's

syllabus. Today, the Islamization of psychology, learning awareness, received much attention among psychologists who are Muslims. Therefore, this article analyses the discussion related to the psychological element of Islam that can be applied in teaching psychology. Qualitative research methods were used to analyse the document to previous studies. The study found that physiological Islam began to be discussed and considered by the researchers present since 1970. The study also found that, according to Islam psychological elements to be included in the syllabus of modern psychological aspects that includes the concept, the introduction of the figure, the field of study and method of Islamic psychology. This discussion provides an overview of how Islamic psychology is capable to be an alternative psychology is consist of moral values and education that is appropriate with human nature.

**Keywords:** *Islamic Psychology, modern psychology, ilm al-nafs, al-qalb, al-aql, al-ruh*

### Pendahuluan

Usaha ke arah pelaksanaan perspektif psikologi Islam dalam pendidikan telah dimulakan pada era 70 an apabila pada tahun 1978 Universiti Riyadh, Arab Saudi menganjurkan seminar antarabangsa mengenai pelbagai aspek psikologi dan kaitannya dengan Islam (Hasan Langgulung, 1996). Dalam seminar itu pelbagai model teoritis dan praktis telah dikemukakan. Terdapat sebilangan penyelidik psikologi yang telah memberikan cadangan dan memulakan

kerja-kerja tersebut di beberapa institusi dan universiti. Pada mulanya kertas kerja yang dibentangkan itu hanya respon kepada pelbagai aliran dalam psikologi mutakhir seperti bidang kesihatan mental, kajian mengenai nilai, kaunseling dan penguatkuasaan jiwa (psikoterapi), perubahan sosial dan lain-lain.

Selepas itu lahir pelbagai buku dan karangan yang berusaha mengungkap kembali sumbangan ahli fikir Islam dalam bidang psikologi, serta mengkritik andaian-andaian yang menjadi dasar teori psikologi yang dipelajari dari Barat, terutama teori psikonalisis, behaviorisme dan psikologi manusia. Karangan Malik Badri (1975, 1979), al-Syarqawi (1976) dan Hassan Langgulung (1979, 1981) tersebar luas. Begitu juga dengan tulisan Abdul Hamid al-Hashimi (1989) yang memberikan saranan dalam tulisannya bagaimana untuk mempraktikkan psikologi dari perspektif Islam dalam pendidikan.

Selain itu, empat persidangan dunia iaitu World Conference on Muslim Education telah diadakan. Pertama, diadakan di Mekah pada tahun 1977. Kedua, di Islamabad pada tahun 1980. Ketiga, di Dacca pada tahun 1981 dan keempat di Jakarta pada tahun 1982. Dalam keempat-empat persidangan, aspek psikologi dari perspektif Islam telah mendapat tempat yang istimewa dalam perbincangan (Hassan Langgulung, 1996).

Di Malaysia, turut ada perbincangan ke arah mengembalikan perspektif Islam dalam pembelajaran sains sosial walau pun tidak begitu menggalakkan. Antara usaha yang dijalankan ialah dengan mengadakan seminar seperti Seminar Sains Sosial dari Perspektif Islam anjuran Persatuan Mahasiswa Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia (1996). Begitu juga tulisan Muhammad Hj. Yusuf tentang Islam dan Psikologi: Satu Penilaian terhadap teori dan Kaedah dalam Psikologi Sosial (1996) telah menyatakan bahawa orientasi teori dan kaedah dalam psikologi sosial amat ketara kekurangan

daripada perspektif rohaninya.

Idea dan saranan agar psikologi Islam diterapkan dalam pembelajaran psikologi moden telah dirintis oleh Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Ini dapat dibuktikan dalam falsafah penubuhannya menyatakan bahawa ilmu harus menyerapkan semangat tawhid (<http://www.iium.edu.my/about-iium/philosophy>). Namun, usaha ini masih belum mencukupi dan meluas kerana kebanyakan universiti yang mempunyai kursus psikologi masih lagi tidak mengaplikasikan pendekatan teori psikologi Islam dalam kurikulum mereka (Fariza Md Sham, 2013).

Terdapat beberapa kajian lepas yang membincangkan tentang isu menerapkan elemen psikologi Islam dalam psikologi moden. Kajian Mohd Abbas Abdul Razak & Nik Ahmad Hisham (2012) dalam artikelnya yang bertajuk Islamic Psychology and the Call for Islamization of Modern Psychology menyatakan bahawa silibus psikologi moden meninggalkan manusia moden dalam kebingungan dalam isu yang berkaitan dengan topik manusia kerana pemahaman yang salah tentang manusia. Oleh itu, psikologi Islam diperlukan dengan membawa idea-idea yang komprehensif dan perspektif yang betul tentang manusia.

Begitu juga dalam karya Aisha Utz (2011), dalam bukunya, *Psychology from the Islamic Perspective* mengemukakan pandangan bahawa, psikologi moden tidak dinafikan sumbangannya dalam perkembangan ilmu psikologi, tetapi terdapat kelompangan dari sudut menjelaskan hakikat manusia yang sebenarnya terutama dari aspek al-ruh. Hayati Aydin (2010), pula membuat kajian perbandingan tentang konsep al-nafs dari perspektif Islam dengan psikologi moden. Analisis ini mendapati, terdapat bahagian yang tidak dikaji oleh pengkaji psikologi moden seperti Sigmund Freud ialah dari aspek kerohanian (soul). Kelompangan kajian dari aspek ini turut disokong dengan hasil kajian Tajulashikin Jumahat & Nor Faizah Abdullah

yang mengkaji tentang konsep kecerdasan spiritual dari perspektif Islam dan Barat. Hasil kajian menunjukkan bahawa konsep spiritual Barat berbeza dengan konsep kecerdasan dari perspektif Islam kerana terdapat unsur-unsur sekularisme.

Merujuk kepada hasil kajian lepas, menunjukkan bahawa terdapat keperluan yang agak mendesak untuk menerapkan elemen psikologi Islam dalam silibus psikologi moden kerana lebih bersifat komprehensif dan menepati ajaran Islam.

Oleh itu, sebagai usaha penyambungan kepada idea menyerapkan elemen psikologi Islam dalam silibus psikologi moden, maka artikel ini membincangkan konsep psikologi Islam dari perspektif tokoh psikologi Islam dan skop perbincangan dalam psikologi Islam yang boleh diintegrasikan dalam psikologi moden. Maksud pelaksanaan elemen psikologi Islam dalam artikel ini ialah menjadikan Islam dan al-Quran dalam perbincangan ilmu psikologi sebagai landasan filsafat untuk psikologi.

Terdapat dua cara yang boleh dilaksanakan bagi menyerapkan elemen psikologi Islam dalam silibus psikologi moden. Pertama, dengan mewujudkan satu kursus Psikologi Islam secara khusus. Kedua, dengan cara menggabungkan konsep psikologi Islam ketika proses pengajaran berlangsung. Buku-buku teks atau nota yang diberi kepada pelajar harus mempunyai penggabungan dua pendekatan ini. Contohnya, jika seorang pensyarah sedang menghuraikan tentang Teori Emosi James Lange dan Cannon Bard, maka konsep emosi dalam Islam turut dibincangkan. Dengan ini, pelajar mendapat maklumat dari dua pendekatan.

## **Metodologi**

Kajian berbentuk kualitatif telah menggunakan analisis dokumen bagi mengkaji konsep psikologi Islam, sumbangan tokoh psikologi Islam dan elemen psikologi Islam. Secara umumnya, fokus kajian ini dinilai dan dianalisa

melalui buku dan artikel yang membincangkan tentang psikologi Islam. Antara rujukan awal dalam bidang psikologi Islam yang dirujuk ialah Ihya'Ulum al-Din karangan Imam al-Ghazali (1967), Tahdhib al-Akhlak karya Ibn Miskawih (1977), Ibn al-Jawzi dengan bukunya Sifat al-Sofwat (1986) dan Ibn al-Qayyim dengan al-Tib al-Nabawi (.th).

## *Memahami Psikologi Islam*

Ilmu kejiwaan atau dalam istilah sekarang psikologi, merupakan satu bidang ilmu yang mengkaji secara langsung terhadap hakikat insan dari aspek kejiwaan dan kemasyarakatan. Kajian mengenai kejiwaan ini telah lama wujud dan diterokai oleh ilmuwan Islam sebelum ahli psikologi Barat menyusun ilmu ini secara teratur. Di antara ilmuwan Islam yang telah mengkaji dan menulis tentang ilmu psikologi ialah Imam al-Ghazali dengan bukunya Ihya' Ulum al-Din, Ibn Maskawaih yang menyusun buku Tahdhib al-Akhlak, al-Farabi yang menulis dalam Risalah fi al-'aql, Ibn Sina dengan karya al-Shifa', Ibn al-Jawzi dengan bukunya al-Tib al-Ridhni dan Ibn al-Qayyim dengan al-Tib al-Nabawi. Pengkajian ahli psikologi Islam yang awal lebih menumpukan kepada ilmu falsafah yang membicarakan tentang jiwa, mental, tingkah laku manusia dan hubungannya dengan konsep tazkiyyah al-nafs bagi mendekatkan diri dengan Allah (s.w.t).

Pengkajian ilmu psikologi dalam dunia Islam pada awalnya, tidak dikenali sebagai psikologi seperti sekarang, tetapi dikenali sebagai ilmu al-nafs atau dalam Bahasa Melayu disebut sebagai ilmu jiwa (Kamus Dewan, 1994). Mu'jam 'Ilm al-Nafs, menyatakan bahawa, ahli psikologi Islam mendefinisikan ilmu psikologi, adalah mengikut pendekatan, bidang kajian dan sejarah perkembangannya. Ada yang mengatakan 'ilm al-nafs merupakan ilmu biologi yang cuba menzahirkan kehidupan dalaman yang bermula dari peringkat pertumbuhan dan perkembangannya. Pendapat yang lain pula, mengataka ia merupakan ilmu tingkah laku dan penyesuaiannya dengan alam sekitar (Fakhir

‘Akil, 1985).

Ibn Rusyd pula mengaitkan ‘ilm al-nafs dengan al- ruh. Menurut pendapat beliau, dalam mentafsirkan al-nafs, orang cenderung untuk mengaitkannya dengan tingkah laku yang tidak baik dan ruh kebiasaannya dikaitkan dengan kemuliaan dan kebaikan (Abbas Mahmud al-Aqqad, t.th).

Jika ditinjau dari perspektif al-Quran, ilmu al-nafs dikaitkan dengan empat istilah, iaitu al-nafs, al-qalb, al-aql dan al-ruh. Al-nafs disebut dalam al-Quran sebanyak 367 kali yang dikhususkan kepada hal-hal kemanusiaan pada keseluruhannya, al-qalb disebut sebanyak 144 kali di dalam al-Quran dikhususkan kepada hal yang berhubung dengan emosi, al-aql disebut sebanyak 49 kali yang dikhususkan kepada hal cara manusia berfikir dan al-ruh disebut sebanyak 25 kali yang dikhususkan kepada tiga hal, iaitu sebagai pemberian hidup, wahyu dan malaikat. Dalam konteks istilah al-ruh, hal yang berhubung dengan pemberian hidup adalah berkaitan secara langsung dengan ilmu psikologi. Ini adalah kerana, ruh merupakan bahagian utama diri manusia yang menjadi punca kehidupan yang mengandungi al-nafs, al-aql dan al-qalb ( Hasan Langgulung, 1986: 83).Antara contoh ayat yang berkaitan dengan al-nafs ialah dalam surah al-Nisa’:1

*Maksud: Wahai sekalian manusia! Bertakwalah kepada Tuhan kamu yang telah menjadikan kamu (bermula) daripada diri (al-nafs) yang satu (Adam), dan yang menjadikan daripada (Adam) itu pasangannya (isterinya-Hawa).*

Ibn Kathir (1990) menerangkan bahawa kejadian manusia melalui pelbagai proses bermula dari Adam a.s dan pasangannya Hawa. Bermula dari perkembangan inilah manusia perlu mentaati segala perintah Allah dan meninggalkan segala laranganNya. Allah adalah tempat manusia mengadu segala kelemahan dan sentiasa mengingatiNya kerana Allah maha Mengetahui setiap tingkah laku manusia dan isi hati manusia

itu.

Al-qalb seperti dalam surah Yusuf: 86 yang bermaksud:

*(Nabi Yaakob) menjawab:”Sesungguhnya aku hanyalah mengadakan kesusahan dan dukacitaku kepada Allah, dan aku mengetahui (dengan perantaraan wahyu) dari Allah, apa yang kamu tidak mengetahuinya.*

Tafsiran Ibn Kathir(1990 )mengenai al-qalb dalam surah Yusoff ayat 86 ini menjelaskan bahawa Nabi Yaakub mengharapkan pertolongan daripada Allah semata untuk mengembalikan anak-anaknya di sisinya.Pengharapan yang tinggi kepada Allah berjaya menghilangkan segala kesedihan dan kesusahan yang dialaminya.Hal ini jelas berkait rapat dengan hati nurani, perasaan dan emosi manusia yang mempengaruhi setiap tingkahlaku dan perbuatan yang dilakukan.

Berhubung dengan al-ruh seperti dalam surah al-Hijr: 29 yang bermaksud:

*Kemudian apabila Aku sempurnakan kejadiannya, serta Aku tiupkan padanya ruh dari (ciptaan)ku maka hendaklah kamu sujud kepadaNya.*

Ibn Kathir (1990) menjelaskan bahawa Allah telah meniupkan roh ke dalam ciptaanNya (manusia) untuk bersujud dan menjalankan amanah sebagai khalifah Allah di atas muka bumi. Kewujudan ruh ini membuktikan pemberian hidup yang dikurniakan oleh Allah sebagai satu nikmat yang tidak dapat digambarkan oleh akal fikiran manusia.Oleh itu, ruh sangat penting untuk melahirkan manusia yang bertingkah laku baik dan berakhlak sempurna agar menjadi insan soleh dan solehah di dunia dan di akhirat.

Itulah sebabnya, kalau diteliti, perbincangan ahli psikologi Islam pada peringkat awal seperti al-Kindi (260H), Ibn Sina (428H), al-Ghazali (504H) dan Ibn Rusyd (595H) membincangkan tentang aspek psikologi manusia bertitik tolak

dari perkara yang berkaitan dengan al-ruh. Persoalan al-ruh inilah antara topik perbincangan yang membezakan antara ahli psikologi Islam dengan ahli psikologi Barat.

Manakala dari aspek al-aql pula, seperti dalam surah Yunus: 101 yang bermaksud:

*Katakanlah: "Perhatikanlah apa-apa yang di langit dan di bumi".*

Menurut Ibn Kathir (1990), Allah memberikan petunjuk kepada manusia untuk merenungi setiap kejadian dan ciptaanNya di langit dan di bumi sebagai tanda kekuasaanNya. Bukti yang jelas akan dilihat bagi mereka yang mempunyai akal. Segala kejadian langit dan bumi, siang dan malam, manusia dan haiwan serta tumbuhan mempunyai pelbagai manfaat dan tanda-tanda kebesaran Allah yang Maha Esa. Jelaslah bahawa al-aql sangat penting dalam membentuk peribadi manusia supaya menjadi seorang yang bermanfaat dan insan yang seimbang dari aspek rohani dan jasmani.

Ada setengah pengkaji cenderung memasukkan perbincangan tentang al-ruh ke dalam ilmu yang dipanggil ilmu kerohanian Islam. Topik ilmu kerohanian Islam termasuk juga ilmu jiwa atau istilah sekarang psikologi (Naemah Hamzah & et al, 2015). Perkara ini pernah dibahas oleh Mohamed Asin Dollah (1998) dalam tulisannya yang bertajuk Psikologi Islam atau Kerohanian Islam: Satu Dilema. Beliau memberikan persoalan adakah perkataan psikologi dan kerohanian itu membawa maksud dan konsep yang sama. Menyelusuri seterusnya perbincangan Mohamed Asin Dollah (1998), didapati, beliau berpandangan bahawa tidak menyeleweng kalau menggunakan istilah psikologi Islam atau kerohanian Islam. Kedua-duanya mempunyai matlamat yang sehalu iaitu untuk membicarakan aspek-aspek kerohanian dalam diri manusia berdasarkan kepada pemerhatian terhadap tingkah laku lahir. Sungguh pun begitu, kerohanian Islam itu lebih jauh matlamatnya kerana ia melibatkan pola hubungan di antara manusia dengan Allah, sedangkan psikologi

moden hanya melihat manusia sebagai objek kajian tanpa ada kaitan dengan Pencipta iaitu Allah (s.w.t). (Mohamed Asin Dollah,1998). Dalam konteks hari ini, penggunaan perkataan psikologi lebih cenderung digunakan memandangkan penggunaannya telah begitu popular dan telah diterima umum.

### **Tokoh Psikologi Islam**

Dalam perkembangan ilmu psikologi, sumbangan sarjana Islam sangat besar seperti dalam bidang personaliti, psikologi sosial dan pengubatan jiwa (Hassan Langgulung, 1996). Antara ahli psikologi Islam yang terkenal pada zaman kegemilangan Islam ialah:

- 1.) Abu Hamid Muhammad ibn Muhammad al-Ghazali (w:504H). Terkenal dengan bukunya Ihya' Ulum al-Din. Di dalam buku ini, al-Ghazali menyebut tentang jiwa, pejuang-pejuang hati, penyakit hati, tanda-tandanya dan rawatan jiwa. Al-Ghazali juga dikenali dalam bidang psikologi pendidikan, di mana konsep pendidikan Islam yang diperkenalkannya menjadi ikutan hingga kini.
- 2.) Abu al-Faraj Abd.Rahman Ibn al-Jawzi (w: 597H). Menulis buku al-Tibb al-Ridhni. Di dalam buku ini al-Jawzi membincangkan perbezaan di antara istilah-istilah otak, fahaman dan kebolehan berfikir. Beliau juga membincangkan pengukuran kecerdasan dengan kaedah tanda-tanda fizikal dan tingkah laku tertentu.
- 3.) Abu Nasr al-Farabi (w: 329H) telah menulis buku al-Thamarat al-Mardiyyah. Di dalam buku ini beliau membincangkan soal intelek secara mendalam (Shariff, 1994). Selain daripada itu, perbincangan al-Farabi dalam bidang psikologi terdapat dalam karyanya yang bertajuk Risalah fi al-'Aql, al-Madinat al-Fadhilah, al-Siyasat al-Madaniyah dan Fushuh al-Hikam (Osman Bakar, 1992).
- 4.) Abu Ali al-Husein ibn Abdillah ibn Hassan ibn Ali Ibn Sina (w:1037M). Ibn Sina memulai

karangannya tentang psikologi dalam bukunya yang bertajuk *al-Syifa'*. *Al-Syifa'* merupakan sebuah ensaiklopedia yang memuatkan tentang psikologi. Dalam ensaiklopedia ini terdapat bahagian yang dinamakan *al-Najat* atau dikenali sebagai *Book of Deleverence*. *al-Najat* bermakna Buku Tentang Kebahagiaan Jiwa. Beliau membincangkan tekanan-tekanan psikologi, perasaan-perasaan yang tersembunyi dan yang nyata. Beliau juga telah menjalankan kajian dan merupakan pengasas kepada kajian tentang ingatan, jenis-jenis dan faktor-faktornya, perhubungan antara jiwa dan jasad dan psikologi orang dewasa (al-Hashimi, 1989). Antara karangan beliau yang lain tentang psikologi:

i.) *Risalah fi ma'rifat al-nafs al-natiqah wa ahwaliha* (Risalah tentang perkembangan jiwa dalam segala keadaan); ii.) *Ikhtilat al-nafs fi amr al-nafs* (Pelbagai pendapat tentang jiwa); iii.) *Baqa' al-nafs al-natiqah* (Kekal abadi jiwa yang cergas); iv.) *Ta'alluq al-nafsi bi al-badan* (Hubungan jiwa dengan jasad); v.) *Risalah fi 'ilm al-nafs* (Risalah tentang ilmu jiwa); vi.) *Bahthum 'anil quwa al-nafsiyyah* (Risalah mengenai perbincangan tentang kekuatan jiwa); vii.) *al-Qasidah al-Ainiyyah* (Qasidah tentang jiwa).

Kehebatan Ibn Sina dalam bidang psikologi diperakui oleh para sarjana dalam bidang psikologi moden, di mana pada tahun 1951 F.Rahman yang merupakan seorang pensyarah di University of Durham telah menterjemahkan buku psikologi Ibn Sina ke dalam Bahasa Inggeris dengan tajuk *Avicenna's Psychology* dan diterbitkan oleh Oxford University Press, London (Zainal Abidin, 1974).

5.) Abu Abdullah Ibn al-Qayyim al-Juwziyyah (w:751H). Di dalam bukunya *al-Tib al-Nabawi* membicarakan tentang hati manusia. Beliau membahagikan bagaimana hati yang sihat dan hati yang sakit. Di samping itu, beliau menjelaskan tentang cara rawatan hati dan perhubungan antara jasad dengan jiwa.

6.) Ibn Miskawaih, Ahmad ibn Muhammad

ibn Ya'qub (w:421H). Psikologi Miskawaih berasaskan doktrin kerohanian tradisional yang diutarakan oleh Plato dan Aristotle. Beliau membicarakan tentang psikologi di dalam tulisannya yang bertajuk *al-Fauz al-Asghar* dan *Tahdhib al-Akhlaq*. Ibn Miskawaih telah membentuk satu falsafah moral yang berhubung secara langsung dengan psikologi. Dalam kitab *Tahdhib al-Akhlaq*, beliau telah menghuraikan panjang lebar mengenai etika dan mengaitkannya dengan doktrin beliau tentang roh (Sharif, 1994).

7.) Al-Kindi, Abu Yusuf Ya'qub ibn Ishaq ibn al-Sabbah ibn Imran ibn Ismail ibn al-Ash'ath ibn Qais al-Kindi. Dalam bidang psikologi, Al-Kindi banyak membicarakan tentang roh dan akal. Beliau menulis risalah pendek tentang roh yang bertajuk *al-Ras'il* (Berkenaan Roh). Dalam risalah ini ia membicarakan tentang roh tidak pernah tidur dan soal mimpi. Al-Kindi juga menulis risalah yang bertajuk *Fi Mahiah al-Naum wa al-Ru'iyah* (Berkenaan Tidur dan Mimpi). Manakala risalah tentang akal pula ialah *Risalah al-Kindi al-Filsafiyah* (*De Intellectu*) yang diterjemah dalam bahasa Latin. Dalam risalah ini menjelaskan pelbagai makna akal dan menunjukkan cara pengetahuan diperolehi (Sharif, 1994).

8.) Al-Razi, Abu Bakr Muhammad ibn Zakariyya ibn Yahya al-Razi (w:313H). Dalam bidang psikologi, al-Razi telah memperkenalkan falsafah moral dalam karya *al-Tibb al-Ruhani* dan *al-Sirat al-Falsafiyah*. Dalam *al-Tibb al-Ruhani*, beliau membincangkan tentang ciri utama etika dalam 20 bab dan menghuraikan sifat buruk manusia dan cara menghindarkannya. Dalam tulisan ini, beliau turut membicarakan tentang emosi manusia seperti marah, dengki cinta, perasaan bimbang dan takut.

Paparan di atas, merupakan sebahagian daripada ahli psikologi Islam yang awal yang berusaha membongkar jiwa manusia. Dari sini jelas menunjukkan bahawa apa yang dibincangkan oleh ahli psikologi Barat atau psikologi moden hari, telah terlebih dahulu dibicarakan oleh

ahli psikologi Islam. Malah, pelopor psikologi Barat yang awal, di awal kajian mereka tentang psikologi merujuk kepada konsep yang dikemukakan oleh ahli psikologi Islam seperti yang dinyatakan di atas. Oleh itu, adalah wajar pelajar diperkenalkan konsep-konsep psikologi yang ditulis oleh tokoh-tokoh awal dalam bidang psikologi dari cendekiawan Islam iaitu dengan cara menggabungkan idea dan konsep tersebut apabila mengajar tentang satu-satu topik dari pandangan ahli psikologi Barat sepertimana yang telah dilaksanakan di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

### ***Elemen Psikologi Islam***

Penerapan elemen psikologi Islam dalam silibus psikologi moden bukan bererti menghapus atau menganggap salah teori-teori, sistem, metode dan pendekatan yang sudah ada dan berkembang dalam pembelajaran psikologi hari ini. Dengan menambah perspektif Islam dalam pembelajaran psikologi adalah bertujuan untuk melengkapi, menyempurna, memperbaiki, memperbetul dan memberi kerangka acuan bagi konsep-konsep yang sudah ada dengan merujuk kepada al-Quran dan al-Sunnah. Kajian ini mendapati, kebanyakan topik atau skop perbincangan dalam psikologi moden hari ini tiada perbezaan dengan yang diperbincangkan dalam ilmu psikologi dari perspektif Islam. Antara skop perbincangan psikologi dari perspektif Islam yang boleh diterapkan dalam pendidikan psikologi ialah dari aspek teori, bidang kajian dan metode kajian.

#### **a) Teori Psikologi Islam**

Teori ialah anggapan kebenaran yang kuat yang dibina di atas data yang cukup sehingga sesuatu perkara dapat dijelaskan secara logik (Sidi Gazalba, 1983). Teori dalam konteks kajian sains sosial seperti psikologi adalah penemuan data-data hasil kajian empirikal. Penemuan data-data tersebut dirumus dan disimpulkan, maka lahir satu teori baru. Oleh itu, teori baru yang ditemui boleh mengubah teori lama (Sidi Gazalba, 1983).

Teori psikologi Islam pula, berasaskan kepada al-Quran dan al-Sunnah. Teori ini dibina dari data-data ajaran Islam yang bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah. Seterusnya, bagi mengkaji realiti dalam masyarakat, pengkaji turut melakukan kajian empirikal. Gabungan data dari al-Quran dan al-Sunnah serta kajian empirikal, maka terbentuk satu teori (Sidi Gazalba, 1983). Contohnya, teori tentang tingkahlaku. Kajian ahli psikologi Islam seperti al-Ghazali. Al-Ghazali mengupas persoalan manusia bertitik tolak dari sumber wahyu, al-Quran seperti dalam surah al-Hijr:29. Dalam Ihya' Ulum al-Din (1967), al-Ghazali membahaskan empat unsur utama struktur manusia yang membentuk tingkahlakunya, iaitu al-qalb, al-ruh, al-aql dan al-nafs. Menurut al-Ghazali, keempat-empat unsur ini mempunyai makna jasmaniah dan makna ruhaniah. al-Qalb dengan makna jasmani iaitu seketul daging yang bentuknya seperti jantung pisang, yang terletak di sebelah dalam dada sebelah kiri. Hati jasmani seperti ini ada juga pada binatang. Hati rohani ialah yang halus dan tidak nampak perhubungannya dengan hati jasmani. Hati rohani ialah yang sebenar hakikat manusia. Kebanyakan pengkaji psikologi Islam menggunakan al-qalb (hati) ialah hati rohani ini. al-Ruh ialah ruh jasmani yang halus dan tidak nampak. Puncanya dari dalam hati jasmani (jantung) terpancar ke seluruh badan melalui nadi, urat saraf dan darah yang memancar cahaya hidup seperti merasa, mendengar, melihat dan menghidu (pancaindera). Ruh rohani pula ialah yang halus, yang mengenal dan yang tahu. Hakikat ruh rohani inilah yang dikaitkan dengan ayat dalam surah al-Hijr:29 tentang meniupan ruh dalam kejadian manusia. Inilah keistimewaan hakikat kejadian manusia yang tidak dapat dirungkai secara empirikal. Menurut Sulaiman Hj. Yasin (1993), dalam menjelaskan hal ini, meniupan RuhNya itu ialah untuk ketuhanan dan kerabbanian, unsur ketinggian dan kekudusan. Ini menggambarkan bahawa Allah telah melimpahkan hakikat ketuhanan dan kerabbanian dalam kejadian manusia.

al-Aql ialah akal jasmani iaitu suatu sifat ilmu yang bertempat pada hati dan akal manusia

yang boleh membuatkan manusia mengenal. Manakala huraian al-Ghazali (1967) mengenai akal rohani, hampir sama huraian tentang hati rohani iaitu yang halus dan mengenal, yang tidak nampak tetapi boleh menyebabkan proses mental dan berfikir itu berlaku.

al-Nafs (jiwa) jasmani al-Ghazali (1967) menghubungkannya dengan tabiat manusia seperti marah dan syahwat yang ada dalam diri manusia. Hakikat jiwa ini sama yang dimaksudkan oleh ahli tasawuf yang sering mengaitkan jiwa dengan hawa nafsu, sehingga perlu bermujahadah melawan kehendak hawa nafsu (mujahadah al-nafs). Manakala jiwa rohani ialah jiwa yang halus dan yang tidak nampak, yang menjurus kepada kemuliaan dan kesucian. Menurut al-Ghazali (1967), inilah hakikat manusia, dialah manusia dan zatnya. Kedua-dua jiwa (sama ada jiwa bermakna rohani dan jiwa bermakna syahwat) sebagai perkara batin yang menggerakkan manusia. Gerak geri atau tingkah laku manusia yang dapat dilihat (luaran), inilah yang sama dengan kajian ilmu psikologi sekarang ini yang mengkaji manusia dari sudut tingkah laku dan kecenderungan manusia.

Ibn Miskawih (1977) dalam menjelaskan teori kebahagiaan jiwa pula, menyatakan untuk mencapai kebahagiaan jiwa terbahagi kepada empat iaitu kebijaksanaan (al-hikmat), kemuliaan (al-'iffat), keberanian (al-syaja'at) dan keadilan (al-'adalat). Oleh itu seseorang itu tidak boleh berbangga dan merasa sempurna kecuali sekiranya dia memiliki keempat-empat keutamaan ini. Bagi setiap keutamaan ini, apabila pemilikinya mencurahkan kebijaksanaan, kemuliaan, keberanian dan keadilannya kepada orang lain dan mereka dapat mengambil manfaat daripadanya. Maka orang yang memiliki sifat tersebut akan dikenali dan dipuji sebagai orang yang bijaksana, mulia, berani dan adil (Miskawayh, 1977).

Teori yang dibincangkan di atas menunjukkan bahawa, ahli psikologi Islam seperti al-Ghazali dan Ibn Miskawih, dalam pengkajian mereka

membentuk teori dengan menggabungkan dalil-dalil naqli (al-Quran dan al-Sunnah) dengan data-data empirikal.

#### b) Bidang Kajian Psikologi Islam

Oleh kerana psikologi menggunakan manusia sebagai subjek kajian atau dengan kata lain, psikologi mengkaji tentang manusia, maka tiada perbezaan antara bidang kajian psikologi moden dengan bidang kajian dalam psikologi Islam. Kedua-duanya sama-sama mengkaji tentang manusia dan kedua-duanya sama-sama menggunakan manusia sebagai subjek kajian. Dalam al-Quran memang menggesa umatnya mengkaji tentang manusia supaya dapat menguruskan dunia ini dengan baik sesuai dengan tugasnya sebagai khalifah di muka bumi ini. Jika psikologi moden mengkaji tentang perkembangan manusia, maka psikologi Islam turut mengkaji tentang manusia. Tetapi yang berbeza ialah kajian dalam psikologi moden, mereka tidak menggunakan pendekatan al-Quran dalam menjelaskan tentang kejadian manusia, perkembangannya sebelum kelahiran dan selepas kelahiran. Sedangkan dalam al-Quran dijelaskan secara terperinci tentang kejadian manusia dan perkembangan-perkembangan manusia sama ada secara fizikal mahu pun jiwa. Inilah yang menjadi kelebihan umat Islam yang mendalami bidang psikologi sekiranya ahli-ahli psikologi Islam menggabungkan kedua-dua pendekatan iaitu psikologi moden dan psikologi dari perspektif Islam dalam pendidikan mereka. Begitu juga kajian dalam bidang-bidang lain seperti psikologi kanak-kanak, psikologi personaliti, psikologi sosial, psikologi remaja, psikologi pendidikan, rawatan jiwa, kesihatan mental dan sebagainya, semuanya boleh digabungkan antara dua pendekatan. Semua bidang kajian dalam psikologi moden hari ini, terdapat dalam al-Quran secara umum dan ahli psikologi Islam ada mengkajinya (Hayati Aydin, 2013, Hamdi Rahman & et al, 2013). Kalau ini dapat dilaksanakan dalam sistem pembelajaran psikologi di Malaysia, dapat menuju ke arah kesempurnaan dalam membongkar rahsia kejadian manusia yang telah dicipta oleh Allah



(s.w.t) dan kesannya ialah menambahkan lagi keimanan manusia kepada Allah (s.w.t). Inilah sebenarnya matlamat utama dalam mencari ilmu, iaitu selain menyelesaikan masalah manusia, juga untuk beriman kepada Allah (s.w.t).

### c) Metodologi Psikologi Islam

Dari aspek metodologi, psikologi Islam mungkin masih tidak mempunyai satu metodologi yang tersusun sepertimana yang terdapat dalam psikologi moden. Kesannya, dalam pengkajian terhadap masyarakat Islam, masih menggunakan metodologi psikologi Barat yang mereka susun untuk masyarakat mereka. Dalam sesetengah keadaan kurang sesuai dengan keadaan masyarakat Islam kerana perbezaan kebudayaan, kepercayaan dan sosial. Tetapi sekiranya bersesuaian dan tidak bertentangan dengan ajaran Islam, maka tidak menjadi kesalahan mengguna pakai metode dan kaedah kajian psikologi moden.

Dalam hal ini, Malik Badri (1979) pernah menyatakan bahawa psikologi moden tidaklah semuanya Barat dan salah. Psikologi moden telah menyelidik segala pengalaman dengan halus dari segi pemerhatian, percubaan dan pengukuran. Sumbangan ahli psikologi Islam juga cukup besar seperti Imam al-Ghazali dalam bidang psikologi pendidikan dan personaliti, Ibn Sina yang terkenal dengan karya al-Syifa dalam bidang pengubatan jiwa dan Ibn Sireen dalam tafsiran mimpi atau alam tak sedar. Malah, pada hari ini beberapa ahli psikologi Islam telah memberi sumbangan yang besar kepada psikologi Barat seperti Abdul Aziz al-Qoussi dalam kajian faktor terhadap kecerdasan (Factorial Analysis of Intelligence), Muzaffar Sherif dalam psikologi sosial ujikaji (Experimental Social Psychology) dan Mustafa Suef dalam personality ( Hassan Langgulung, 1996).

Usaha menerapkan metode dan pendekatan psikologi Islam dalam silibus psikologi moden amat diperlukan kerana penyelidik Muslim agar mereka mempunyai alternatif dalam hal ini. Masa

kini, ahli psikologi Muslim masih menggunakan konsep, dimensi dan alat pengukuran dari Barat (Tajulashikin Jumahat & Nor Faizah Abdullah (2014). Metode dan instrumen psikologi moden tersebut dilakukan pengubahsuaian mengikut kerangka konsep kajian dalam konteks Malaysia (Fariza,2013). Namun, metode kajian psikologi dari masyarakat Barat ini telah dipersoalkan kesesuaiannya dalam konteks masyarakat Islam (Kamal Hassan,1983), terutama dalam hal-hal yang mengukur kerohanian dan spiritual manusia. Ini kerana psikologi moden terlalu menekankan penggunaan kaedah lapangan dan mempunyai kepercayaan yang sepenuhnya terhadap hasil lapangan dan penggunaan statistik yang keterlaluan dalam pengukuran psikologi (al-Hashimi,1989). Penggunaan dua pendekatan dalam metode penyelidikan bidang psikologi Islam akan memantapkan kajian tersebut.

### Kesimpulan

Idea dan saranan agar elemen psikologi Islam turut diajar dalam silibus psikologi moden telah lama disuarakan, iaitu sejak 1970an. Di Malaysia, idea ini telah dirintis melalui Universiti Islam Antarabangsa Malaysia .Antara elemen psikologi Islam yang boleh dimasukkan ialah konsep psikologi Islam, pengenalan kepada tokoh-tokoh psikologi Islam, teori dan bidang kajian psikologi Islam serta metode kajian. Merujuk kepada perkembangan psikologi Islam, khususnya hal yang berkaitan dengan tingkah laku dan personaliti manusia maka, adalah penting dalam kajian psikologi dua pendekatan (Islam dan Barat) ini turut diguna pakai sebagai satu alternatif kepada pengkaji. Adalah dicadangkan psikologi Islam menjadikan kaedah analisis kandungan dan dokumen sebagai landasan atau konsep kajian yang bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah di samping kajian-kajian pakar yang terdahulu. Manakala, kajian lapangan dengan menggunakan metode kajian terkini dan sesuai perlu digunakan. Dengan pendekatan ini, hasil, teori dan kesimpulan psikologi Islam dapat dibuat dengan lebih mantap dan kesahannya dapat diterima.

## Penghargaan

Penghargaan kepada Geran Penyelidikan Inovasi UKM (Inovasi-2014-007) yang telah membiayai penyelidikan ini.

## Rujukan

Abbas Mahmud, al-Aqad.(t.th). Nawabigh al-Fikr al-Arabi Ibn Rusyd, Dar al-Ma'arif, Mesir.

Abd.Hamid al-Hashimi. (1989).Proses Pengislaman Disiplin Psikologi.Dlm.Sains Sosial dan Sains Tulen, Translated by Mohamad Rafie Abdul Malek,Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Aisha Utz. (2011).Psychology from the Islamic Perspective.International Islamic University Malaysia,Kuala Lumpur.

Fakhir 'Akil. (1985).Mu'jam 'Ilm al-Nafs,Dar El-Ilm lil Malayin, Beirut.

Fariza Md Sham., Salasiah Hanin Hamjah., & Mohd Jurairi Sharifudin. (2013).Personaliti dari Perspektif al-Ghazali,Penerbit UKM, Bangi.

Oxford Advanced Learner's Dictionary. (1989), Ed.4, Oxford University, Oxford.

Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad al-Ghazali. (1967).Ihya' Ulum al-Din,Dar ahya'I al-Kutub al-Arabiyyah, Kaherah.

al-Faruqi. (1997),terjemahan oleh Mustafa Kasim,Pengislaman Ilmu.Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

H.J. Bastamam. (1995).Integrasi Psikologi Dengan Islam. Menuju Psikologi Islam, Pustaka Pelajar,Jogjakarta.

Hassan Langgulung. (1986). Manusia dan Pendidikan Suatu Analisa Psikologi dan Pendidikan, Pustaka al-Husna, Jakarta.

Hassan Langgulung.(1996). Perspektif Baru dalam perkembangan Psikologi Moden: Sumbangan Islam: Dlm.Sains Sosial dari Perspektif Islam, disunting oleh

Wan Hashim Wan Teh & Mahayudin Hj. Yahya, Penerbit UKM, Bangi.

Hamdi Rahman, M.Y., Mazlah,Y., & Masthurah, I. (2013).Model Penghayatan Solat Berasaskan Kaedah Tafakur,Global Journal of Thaqaqah(GJAT),Vol.3,Issue 2,65-78.

Hayati Aydin. (2013).Positive Effects of Believing, Prayer and Spending in Charity on the Inner Peace of Believers.Global Journal of Thaqaqah(GJAT).Vol.3,Issue 2,37-43.

Hayati Aydin. (2010).Concepts of the Self in Islamic Tradition and Western Psychology: A Comparative Analysis.Journal Studies in Islam and the Middle East,Vol.7,No.1,3-29.

Ibn Kathir, Ismail bin Umar bin Kathir al-Qurshi al-Dimasyqi.(1990).Tafsir Ibn Kathir,Darussalam,Damsyik.

Ibn Qayyim. (t.th)Muhammad bin Abu Bakar bin Ayub Jariz al-Zar'I,al-Tibb al-Nabawi,Dar al-Fkr,Beirut.

Kamal Hassan. (1983).Ledakan Kerohanian dalam Masyarakat Barat Kini.Kertas Kerja Kongres Bimbingan Kerohanian,Masjid Abu Bakar as-Siddiq, Kuala Lumpur.

Shariff, M. M. (1994).Sejarah Islam Dari Segi Falsafah.Jld.,1Dewan Bahasa dan Pustaka,Kuala Lumpur.

Malik Badri.(1979). The Dilemma of Muslim Psychologist,Redwood Burn Limited,London.

Miskawih.(1977).Tahdhib al-Akhlak,al-Taba'at al-Misriah wa Maktabatuha,Kaherah.

- Mohd Abbas Abdul Razak., & Nik Ahmad Hisham. (2012). Islamic Psychology and the Call for Islamization of Modern Psychology, *Journal of Islam in Asia*, Vol.9, No.1, 156-183.
- Mohamed Asin Dollah. (1998). Antara Psikologi Islam dan Ilmu Kerohanian Islam. Dlm. *Akidah dan Kerohanian* disunting oleh Zakaria Stapa dan Mohamed Asin Dollah, Penerbit UKM, Bangi.
- Muhammad Yusuf. (1996). *Islam dan Psikologi: Satu Penilaian Terhadap Teori dan Kaedah dalam Psikologi Sosial*. Dlm. *Tokoh-Tokoh Psikologi Sosial*. Translated by Muhammad Hj. Yusuf, Penerbit UKM, Bangi.
- Naemah Hamzah., Mohd Ismail Mustari., & Bushrah Basiron. (2015). Model Pendidikan Kerohanian Terhadap Anak-Anak dalam Kalangan Wanita Cemerlang Sektor Awam, *Global Journal of Thaqafah (GJAT)*, Vol.5, Issue 1, 105-117.
- Osman Bakar. (1992). *Hierarki Ilmu Membangun Rangka Pikir Islamisasi Ilmu*, Penerbit Mizan, Kuala Lumpur.
- Sidi Gazalba. (1983). *Islam dan Perubahan Sosiobudaya*, Kuala Lumpur, Pustaka Antara.
- Mohd Sulaiman Yasin. (1993). *Pengenalan Tamadun Islam dan Konsep Kerohanian*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Tajulashikin Jumahat., & Nor Faizah Abdullah. (2014). Perbandingan Konsep Kecerdasan Spiritual dari Perspektif Islam dan Barat: Satu Penilaian Semula. *Proceeding of the International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization*, Kuala Lumpur.
- Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). (2015). Dipetik dari <http://www.iium.edu.my/about-iium/philosophy>. Dipetik pada 3 September 2015.
- Zainal Abidin. (1974). *Ibn Sina Sarjana dan Filosof Besar Dunia*. Penerbit Bulan Bintang, Jakarta, Indonesia.

